

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **DYMM Sultan Selangor Merasmikan Elmina Lakeside Mall & Elmina Outdoor Sculpture Museum**

*Sime Darby Property Memperkenalkan Ikon Peruncitan dan Budaya Baharu di Bandar Elmina*

- Elmina Lakeside Mall mencapai kadar penghunian sebanyak 99%, menyediakan perkhidmatan kepada komuniti yang lebih luas iaitu seramai 870,000 orang;
- Elmina Outdoor Sculpture Museum mempamerkan sintesis ekspresi artistik, kemampunan dan reka bentuk bandar yang inovatif dalam Bandar Elmina.

**SHAH ALAM, 11 JANUARI 2025** – Sime Darby Property (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) memulakan tahun ini dengan meriah melalui perasmian Elmina Lakeside Mall (“ELM”) dan Elmina Outdoor Sculpture Museum (“EOSM”), yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin; dan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, bersama dif-dif kenamaan dan pegawai agensi negeri yang lain.

Pusat beli-belah ini, yang telah beroperasi sejak Ogos 2024, berfungsi sebagai hab runcit dan rekreasi yang dinamik untuk Bandar Elmina dan kawasan sekitarnya. Dengan penyewa utama seperti Jaya Grocer, Harvey Norman, Kenny Hills Bakers, Nak Nak, dan Ediya Coffee—rangkaian kopi popular dari Korea yang membuat penampilan sulung di Malaysia—ELM memenuhi keperluan komuniti yang pelbagai dan semakin berkembang. Dengan keluasan bersih boleh disewa melebihi 200,000 kaki persegi di atas tanah seluas 17.2 ekar, ia terletak secara strategik dalam jarak 20 minit pemanduan untuk populasi seramai 870,000 penduduk, menjadikannya pemasaran utama bagi kemudahan dan keterhubungan..

Direka bentuk dengan mengambil kira aspek kemampunan, ELM menyepadukan taman dan ruang luar untuk menggalakkan interaksi dan penglibatan komuniti. Reka bentuk terbuka pusat beli-belah ini mengurangkan penggunaan penghawa dingin, yang menyumbang kepada jejak karbon yang lebih rendah. Ia juga menampilkan laluan berbasikal, tempat letak basikal, pemasangan panel solar yang dirancang, dan salah satu stesen pengecas DC terbesar di Lembah Klang untuk kendaraan elektrik, dengan 16 ruang chargeEV.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato’ Seri Azmir Merican, berkata, “Elmina Lakeside Mall telah melebihi jangkaan kami sejak awal, dengan mencapai kadar penghunian yang mengagumkan sebanyak 99% dan menarik jumlah pengunjung yang signifikan, iaitu lebih 180,000 orang pada minggu pembukaan dan purata bulanan berterusan sebanyak 640,000 pengunjung. Kami amat menghargai sambutan luar biasa daripada penyewa dan pengunjung, yang mengukuhkan kedudukan pusat beli-belah ini sebagai destinasi runcit dan riadah pilihan untuk komuniti. Penambahan strategik ini di Bandar Elmina membolehkan kami mengintegrasikan peruncitan dengan alam semula jadi, mewujudkan pengalaman membeli-belah unik yang mencerminkan visi kami untuk membina ruang yang memenuhi keperluan sebenar, memupuk hubungan, dan menyokong gaya hidup moden dengan tumpuan pada kesejahteraan.”

Sebagai pelengkap kepada pusat beli-belah tersebut, EOSM menyediakan ruang khusus untuk mempamerkan artis kontemporari Malaysia dan tidak lama lagi akan berkembang untuk melibatkan bakat serantau dan antarabangsa. Muzium ini mewakili sintesis ekspresi artistik, kemampanan dan reka bentuk bandar yang inovatif dalam Bandar Elmina, yang meningkatkan ruang komuniti dan pengalaman bagi penduduk setempat. Pameran sulungnya, arca *The Wealthy Horizons* oleh Abdul Multhalib Musa, menetapkan nada untuk destinasi budaya yang inovatif ini.

"Elmina Outdoor Sculpture Museum meraikan kepentingan seni dan ekspresi kreatif di samping menyediakan platform untuk mempromosikan artis kontemporari terbaik Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa. Kami percaya inisiatif ini akan mengangkat Bandar Elmina melangkaui pusat kediaman dan komersial, menjadi destinasi seni dan budaya," tambah Dato' Seri Azmir.

Bandar Elmina merentasi 6,500 ekar dan menyepadukan pembangunan kediaman, komersial dan perindustrian dengan lebih 1,100 ekar ruang hijau, sebuah *Central Park* seluas 300 ekar, dan kemudahan moden yang direka bentuk untuk ketersambungan dan kefungsian. Dengan 67,000 penduduk, ia dijangka dapat menampung populasi 150,000 apabila siap sepenuhnya. Perbandaran ini juga menempatkan Pusat Ilmuwan Hutan Hujan Tropika Elmina ("Elmina Rainforest Knowledge Centre") seluas 1.09 ekar, sebuah kemudahan yang memberi tumpuan kepada pendidikan dan pemuliharaan alam sekitar, penyelidikan dan pembangunan, promosi eko-pelancongan dan aktiviti hijau yang lain; *Elmina Business Park*, hab perniagaan industri pegangan bebas terbesar di Lembah Klang; serta trek jogging dan berbasikal terpanjang di Malaysia sepanjang 90km.

Perasmian ELM dan EOSM adalah sejajar dengan komitmen Sime Darby Property terhadap pembangunan bandar yang mampan dan penciptaan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan. Penambahan ini seterusnya meletakkan Bandar Elmina sebagai sebuah perbandaran yang terkemuka di Malaysia, memacu aktiviti ekonomi, memupuk hubungan komuniti, dan meningkatkan kehidupan bandar.

Dato' Seri Azmir menyimpulkan, "Setiap bahagian perbandaran ini telah direka bentuk untuk kefungsian, keterhubungan dan kemampanan, menjadikannya tempat yang praktikal untuk didiami dan berkembang."

#### -TAMAT SIARAN-

#### Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berdasarkan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, YAYASAN SIME DARBY, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju harta tanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)  
Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)  
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)

**Untuk mengakses salinan digital dan foto acara, sila imbas kod QR di bawah:**

